

Bengkel pengurusan banjir kepada ketua kampung

Oleh ZULHILMI JALIL

zulhilmi.jalil@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Ketua-ketua kampung di seluruh negara akan diberikan pendedahan mengenai pengurusan banjir menerusi bengkel satu hari yang diadakan secara berperingkat bermula bulan ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ahmad Husaini Sulaiman (**gambar**) berkata, menerusi bengkel tersebut, ketua-ketua kampung akan diajar mengenai prosedur serta peranan jabatan dan agensi kerajaan ketika banjir melanda di kawasan mereka.



“Ini merupakan salah satu usaha untuk meminimumkan risiko dan kesan banjir terhadap harta awam dan penduduk setempat.

“Mereka akan diterangkan mengenai apa yang perlu dilakukan sebelum banjir bermula sehingga selepas banjir surut,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Pengurusan Banjir Bersepadu peringkat Kebangsaan di sini semalam.

Seramai 250 peserta terdiri daripada ketua-ketua kampung dan wakil-wakil agensi kerajaan dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan menyertai bengkel tersebut.

Ahmad Husaini memberitahu, beberapa jabatan dan agensi kerajaan turut terlibat dalam bengkel tersebut seperti Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Malaysian Relief Agency dan Mercy Malaysia.

Selain itu, JPS turut mengundang dua pakar perunding swasta dalam bidang pengurusan banjir iaitu Sinclair Knight Merz dan Asia Pacific Environmental Consultant untuk menyampaikan ceramah pada bengkel tersebut.